



JAWATANKUASA BERSAMA LEMBAGA JURUTERA DAN ARKITEK MALAYSIA (BEM/BAM)

Tingkat 17, Blok F, Ibu pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

Tel : 03-26982878 (BAM)
03-26912090 (BEM)
Faks: 03-26936881 (BAM)
03-26925017 (BEM)



Ruj. BAM : Bil (27) dlm LAM 290 C
Ruj. BEM : BEM/PPC/05-25 (BEM/BAM)

Tarikh : 11 Mac 2016

Kepada :

Semua Arkitek dan Jurutera Berdaftar

MEMO : PROSEDUR PERAKUAN BORANG F BAGI MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) telah di maklumkan berkenaan prosedur tambahan yang dikenakan oleh pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) ke atas perunding profesional iaitu Arkitek dan Jurutera semasa pengemukaan CCC (Borang F).

Pihak LAM dan LJM ingin menegaskan bahawa prosedur tambahan yang dilaksanakan oleh pihak MPKj tidak sejajar dengan keperluan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS). Borang F hanya boleh dikeluarkan oleh Orang Utama Yang Mengemukakan (*Principal Submitting Person, PSP*) bagi sesebuah projek selaras dengan UUK 7 di dalam UKBS dan Pekeliling Am LAM Bil. 1/2008.

Satu mesyuarat bersama Lembaga Jurutera Malaysia, Lembaga Arkitek Malaysia, dan MPKj yang dipengerusikan oleh YB Ean Yong Hian Wah, Pengerusi Tetap Kerja Tempatan telah diadakan di Pejabat Exco Negeri Selangor pada 25 Februari 2016.

Mesyuarat tersebut telah memutuskan bahawa pengemukaan CCC (Borang F) oleh perunding profesional haruslah selaras dan mengikut ketetapan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) iaitu hanya terdapat seorang Orang Utama Yang Mengemukakan (*Principal Submitting Person, PSP*) sahaja yang bertanggungjawab di dalam pengemukaan Borang F.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

(Ar. YONG RAZIDAH RASHID)
Pendaftar
Lembaga Arkitek Malaysia

(Ir. HIZAMULDIN AB RAHMAN)
Pendaftar
Lembaga Jurutera Malaysia